

Pemuda kesal insiden Mahathir

UM-30/7/2006

LABUAN 29 Julai - Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein melahirkan rasa sedih dan marah di atas insiden Tun Dr. Mahathir Mohamad disembur serbuk lada di Kota Bharu, Kelantan, semalam.

Menurut beliau, tindakan segera perlu diambil secepat mungkin untuk mengenal pasti serta menghukum pihak bertanggungjawab bagi mengelakkan UMNO dan kerajaan dituduh dengan pelbagai dakwaan tidak benar.

Beliau berkata, pihak yang terlibat juga perlu memberikan penjelasan kepada rakyat bagi memastikan tidak berlaku kekeliruan di kalangan orang ramai mengenai punca sebenar kejadian.

"Kita minta mereka yang terbabit dikenal pasti dan tindakan tegas diambil, penjelasan mengenai latar belakang dan punca kejadian juga perlu diberi sejelas-jelasnya.

"Saya tidak mahu berlaku tuduh-menuduh dan pihak tidak bertanggungjawab menyalahkan parti (UMNO) atau kerajaan. Saya percaya insiden ini tidak melibatkan kita dan akan ada pihak cuba mengeksploitasikan keadaan itu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan majlis penutup tilawah al-Quran peringkat Kementerian Pelajaran di sini hari ini.

Hishammuddin yang juga Menteri Pelajaran berkata, meskipun Dr. Mahathir dalam beberapa aspek tidak sependapat dengan pimpinan kerajaan hari ini, tindakan melepaskan gas pemedih mata terhadap beliau adalah suatu tidak wajar sama sekali.

"Kalau tidak setuju, tindakan seperti itu bukan cara kita terutama kepada pemimpin yang banyak berjasa, apa lagi sehingga boleh mencederakan," katanya.

Beliau yang turut melahirkan kebimbangan terhadap keselamatan Dr. Mahathir pada masa akan datang meminta pihak berkuasa meningkatkan kawalan keselamatan terhadap bekas Perdana Menteri itu.

"Sebagai anak kepada bekas Perdana Menteri saya memahami keadaan Tun, walaupun tidak pernah berlaku kepada Arwah (Tun Hussein) kita sepatutnya peka dengan bekas-bekas pemimpin," ujar beliau.